

Suasana positif di AS sesuai terima kedatangan Dr. M

11M - 7 MAY 2002

KUALA LUMPUR 6 Mei — Suasana yang positif di Washington, Amerika Syarikat (AS) kini amat sesuai untuk menerima kedatangan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ke negara itu, kata Menteri Pertahanan, Datuk Sen Najib Tun Razak.

Beliau berkata, kunjungan Perdana Menteri untuk menemui Presiden George Bush yang dijadualkan pada 13 hingga 15 Mei ini juga merupakan kemuncak kepada usaha Malaysia untuk memperbaiki hubungan politik dengan AS.

“Suasana di Washington kini positif untuk menerima kedatangan Perdana Menteri kita dan ini merupakan kemuncak kepada usaha kita untuk memperbaiki hubungan dua hala antara kedua-dua negara,” katanya di sini, hari ini.

Najib berkata demikian selepas menerima kunjungan hormat Setiausaha Pertahanan Filipina, Angelo T. Reyes di pejabatnya di Kementerian Pertahanan di sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas mengenai lawatan rasminya selama empat hari ke AS bermula 29 April hingga Khamis lalu.

Dalam lawatan tersebut, beliau telah mengadakan pertemuan dengan Setiausaha Pertahanan AS, Donald Rumsfeld dan Penasihat Keselamatan Negara, Condoleezza Rice.

Dr. Mahathir pula akan melakukan lawatan pertamanya ke Washington sejak Bush memegang jawatan sebagai Presiden pada Januari tahun lalu, minggu hadapan.

Najib memberitahu, AS juga mengalu-alukan usaha Malaysia khususnya dalam memerangi ancaman pengganas, selain menghormati pendirian negara yang mempunyai cara tersendiri untuk menangani masalah itu sebagai sebuah negara Islam.

“Mereka (AS) tahu iltizam dan komitmen kita...selain itu mereka juga tahu tentang tindakan yang diambil oleh Malaysia (untuk memerangi keganasan).

“Bagi AS, sebagai sebuah negara Islam, Malaysia sudah tentu mempunyai cara dan pendekatan tersendiri, tetapi tidak mengapa kerana matlamatnya adalah sama,” ujar beliau.

Wajib berkata, kerjasama yang baik antara Malaysia dan AS tidak bermakna Malaysia tidak boleh berbeza pendapat dengan negara itu dalam beberapa isu antarabangsa.

“Walaupun adakalanya kita dan AS berbeza pendapat, tetapi disebabkan hubungan dua hala semakin kukuh, saya percaya kita akan dapat capai matlamat membanteras keganasan,” jelas beliau.